Kementerian Sumber Manusia		1			1	0.555
Kementerian Penerangan		1			1	0.527
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi		1			1	1.700
Lembaga Hasil Dalam Negeri		1			1	0.908
Jabatan Audit Negara		3			3	1.740
JAKIM		1			1	0.500
JUMLAH BESAR					38	41.658

Kaedah Pelaksanaan Projek : Reka & Bina

PELANGGAN (MENGIKUT KEMENTERIAN)	BIL PROJEK				JUMLAH	KOS PROJEK (RM juta)
	PERANCANGAN REKABENTUK	PEROLEHAN	PEMBINAAN	PENYERAHAN		
Kementerian Dalam Negeri		6			6	
Kementerian Pengajian Tinggi		6			6	4.500
Jabatan Kebajikan Masyarakat		1			1	1.770
JUMLAH BESAR					13	6.270

Unit Perunding Senggara Elektrik

- Mengurus, memantau aktiviti penyenggaraan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan supaya lebih sistematik & berkesan.
- Menentukan piawai keselamatan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan untuk digunapakai di CKE seluruh Malaysia.
- Memberikan khidmat perundingan teknikal yang berkaitan dengan pengurusan penyenggaraan kepada agensi kerajaan lain.
- Mengurus & memantau kerja senggaraan secara kontrak merangkumi kontrak penyenggaraan berpenggal dan piawaian semula.
- Memberikan khidmat perunding teknikal yang berkaitan dengan kontrak senggaraan agensi kerajaan lain.
- Memberikan khidmat sokongan dan senggara pakar kepada Unit Elektrik JKR Negeri, unit-unit JKR yang lain dan agensi-agensi kerajaan lain mengatasi masalah/kerosakan yang besar dan kronik.

Jumlah Projek Yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2009

Kaedah Pelaksanaan Projek : Konvensional Dalam

PELANGGAN	BILANGAN PROJEK	KOS PROJEK (RM JUTA)
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani • Kerja-Kerja Penyelenggaraan Elektrik di Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor.	1	1,098,410.00
Kementerian Kerja Raya, Bhg. Kawalselia Penyelenggaraan. • Kerja-Kerja Penyelenggaraan Elektrik di Blok 10, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.	1	1,379,624.61
JUMLAH BESAR	2	2,478,034.61

Unit Standard, Pengujian & Makmal

- Menentukan kepiawaian bahan-bahan elektrik yang digunakan dalam projek JKR di seluruh Malaysia dan menyenaraikannya.
- Menyediakan syor & garis panduan mengenai perkakasan elektrik yang digunakan dalam rekabentuk elektrik.
- Memberi khidmat pengujian & penganalisan terhadap pemasangan elektrik baru dan/atau pemasangan elektrik yang bermasalah.
- Memberikan khidmat forensik bagi mengenalpasti punca-punca berlakunya kerosakan dan/atau kebakaran.
- Menyediakan syor & garis panduan mengenai penggunaan bahan-bahan/sistem elektrik yang menjimat tenaga dalam pemasangan elektrik.
- Memberi khidmat teknikal kepada Jabatan Kastam & Eksais dan PDRM.
- Mewakili JKR dalam Jawatankuasa Teknikal Piawai di SIRIM, ST & lain-lain agensi kerajaan.
- Mengaudit bahan-bahan & peralatan elektrik yang dipasang di projek-projek JKR menepati spesifikasi.
- Menjalankan kerja penyelidikan & pembangunan dalam bidang Power Quality & Energy Renewal.

Unit Inspektorat & Pengurusan Tenaga

- Memberikan Perkhidmatan tenaga kompeten & kepakaran teknikal dalam senggaraan pemasangan bangunan-bangunan kerajaan supaya sentiasa berfungsi dengan selamat & mengikut perundangan (ABE 1990, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam) dan amalan kejuruteraan yang baik.
- Menentukan piawai keselamatan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan untuk digunakan di CKE seluruh Malaysia.
- Memastikan semua peralatan dan kelengkapan elektrik yang di pasang beroperasi dengan baik, sempurna dan selamat.
- Menyelaraskan permohonan perakuan kekompetenan diri staf teknikal JKR kepada badan kawalselia industri bekalan tenaga.
- Menyelaraskan program kecukupan tenaga dan tenaga diperbaharui di Cawangan Kejuruteraan Elektrik.
- Menjalankan kerja-kerja audit pengurusan tenaga untuk JKR dan agensi kerajaan lain.



**Khidmat
Operasi Negeri**

Khidmat Operasi Negeri

- **Rekabentuk dan Perolehan** : Melaksanakan aktiviti dalam mengurus tender serta aktiviti-aktiviti operasi tapak seperti penyeliaan dan pemantauan di tapak bina. Operasi ini meliputi skop sistem elektrik, telekomunikasi, teknologi maklumat dan akustik dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kerajaan
- **Operasi Tapak** : Melaksanakan aktiviti merancang, mengurus, menyelaras, menyelia, mengawal peringkat pelaksanaan pembinaan. Mengujiterima dan mentauliah serta penyerahan produk kepada pelanggan bagi projek-projek yang direkabentuk dan perolehan yang diurus oleh CKE dan Sektor Bisnes Unit dan diserahkan kepada Unit Kejuruteraan Elektrik Persekutuan di Negeri.
- Memberi khidmat sokongan teknikal kepada agensi kerajaan lain.

Bilangan Projek yang Dilaksanakan oleh JKR (E) Negeri Pada Tahun 2009

BIL	CKE Negeri	PERANCANGAN & REKABENTUK	PEROLEHAN	PEMBINAAN	PENYERAHAN
1	Kedah	85	80	64	162
2	Kelantan	205	122	315	42
3	Melaka	42	47	47	38
4	Neg. Sembilan	52	55	130	85
5	Pahang	140	257		342
6	Pulau Pinang	139	104	216	165
7	Pertis	32	0	54	26
8	Perak	180	30	280	60
9	Selangor	71	33	131	106
	JUMLAH	946	471	1494	1026
JUMLAH KESELURUHAN					3937



Laporan Analisis Inspektorat

Laporan Analisis Inspektorat (UIPT)

Ringkasan Eksekutif

Laporan analisis inspektorat ini merangkumi:

- Bahagian A - Pencapaian Tahunan Inspektorat
- Bahagian B - Analisis Penemuan Inspektorat
- Bahagian C - Analisis Kepuasan Pelanggan
- Bahagian D - Lessons Learnt

Sasaran pelaksanaan pemeriksaan pemasangan bangunan kerajaan yang disenggara oleh JKR bagi aktiviti inspektorat untuk tahun 2009 masih mengekalkan konsep yang sama seperti tahun 2007 dan 2008 iaitu pemeriksaan sebanyak sekali sebulan untuk setiap daerah kecuali daerah ibu negeri sebanyak dua kali sebulan. Namun pencapaian pelaksanaan masih ditahap yang sama seperti pada tahun-tahun yang lepas iaitu sebanyak 19.6%.


Analisa penemuan ketidakpatuhan kepada perundangan dibuat berdasarkan kepada bilangan penemuan bagi 80 laporan inspektorat dan dipecahkan kepada 12 bahagian mengikut tajuk-tajuk besar yang terkandung di dalam Peraturan-peraturan Elektrik 1994. Daripada 12 bahagian tersebut, ketidakpatuhan kepada keperluan Penyenggaraan mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 28.3%, diikuti dengan ketidakpatuhan dalam Kehendak-kehendak Am Pemasangan – 23.3%, ketidakpatuhan Pemasangan Papan Suis – 19.9%, ketidakpatuhan Bahan, Kelengkapan & Kaedah Pemasangan – 8.9%, ketidakpatuhan Orang Kompeten – 6.9%, ketidakpatuhan Pembumian Pemasangan – 5.1%, ketidakpatuhan Sistem Perlindungan Kilat – 2.6%, ketidakpatuhan Talian Bekalan Bawah Tanah – 1.6%, ketidakpatuhan Kehendak UBBL – 1.3%, ketidakpatuhan Pendaftaran Pemasangan – 0.8%, ketidakpatuhan Kehendak Peraturan Alam Sekeliling – 0.7% dan ketidakpatuhan Radas Mudah Alih – 0.6%.

Walaupun ketidakpatuhan dikelaskan kepada tajuk-tajuk besar tersebut namun isu yang menyebabkan perkara-perkara tersebut berlaku adalah kerana tiada penyenggaraan langsung/berkala, salahguna pengguna, isu pembinaan dan rekabentuk.

Cadangan penambahbaikan untuk menangani ketidakpatuhan daripada terus berlaku ialah dengan menekankan keperluan lawatan pemeriksaan oleh orang kompeten dan melaksanakan pemeriksaan dan pengujian keseluruhan pemasangan setiap lima tahun sekali selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Dengan cara ini, kerosakan di bangunan-bangunan kerajaan dapat diminimakan dan operasi setiap perkhidmatan yang direkabentuk untuk sesuatu bangunan sentiasa berfungsi dengan baik dan selamat.

Bahagian A - Pencapaian Tahunan Inspektorat

Sebanyak 80 laporan inspektorat telah dikeluarkan pada tahun 2009 dan dianalisa. Daripada jumlah itu, sebanyak 30 pemeriksaan pemasangan elektrik telah dijalankan oleh UIPT dan selebihnya dijalankan oleh JKR Elektrik Negeri (berdasarkan laporan yang diterima). Carta dibawah menunjukkan bilangan pemeriksaan dan laporan yang telah dikeluarkan:



Carta 1 : Inspektorat oleh UIPT dan JKR Elektrik Negeri

Daripada Carta 1 di atas, didapati sebahagian negeri tidak menjalankan aktiviti-aktiviti inspektorat iaitu Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Manakala bilangan inspektorat bagi negeri-negeri yang lain juga masih tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi setiap negeri, kecuali Kuala Lumpur dan Labuan. Bilangan inspektorat yang dijalankan oleh negeri seperti carta di atas diambilkira daripada jumlah pemeriksaan yang dijalankan berdasarkan Pencapaian Inspektorat yang dilaporkan oleh KJEN.

Bahagian B - Analisis Penemuan Inspektorat


Analisis Penemuan Inspektorat ini dijalankan berdasarkan kepada 80 laporan yang telah dikeluarkan pada tahun 2009. Statistik bagi penemuan-penemuan inspektorat telah dikelaskan kepada 12 tajuk besar. Pengelasan kategori ketidakpatuhan 2.1 hingga 2.9 dibuat berdasarkan susunan semasa Peraturan-peraturan Elektrik 1994 bagi memudahkan tujuan analisis. Secara amnya, ketidakpatuhan adalah disebabkan pemasangan itu:

- Tiada penyenggaraan dijalankan
- Penyenggaraan berkala tidak dijalankan (penyenggaraan dibuat apabila terdapat gangguan bekalan sahaja)
- Salahguna pengguna – pendawaian tambahan dijalankan sendiri oleh pelanggan
- Kelemahan pembinaan
- Kelemahan rekabentuk

Di bawah 12 tajuk besar tersebut, kategori bagi penemuan Ketidakpatuhan Kepada Akta dan Peraturan adalah seperti di dalam Jadual 1 dan Carta 2:


Bil.	Kategori Ketidakpatuhan	Bilangan Penemuan
2.1	Pendaftaran Pemasangan	13
2.2	Bahan, Kelengkapan & Kaedah Pemasangan	148
2.3	Pemasangan Papan Suis	331
2.4	Talian Bekalan Bawah Tanah	27
2.5	Radas Mudah Alih	10
2.6	Pembumian Pemasangan	85
2.7	Kehendak-kehendak Am Pemasangan	387
2.8	Orang Kompeten	115
2.9	Penyenggaraan	470
2.10	Sistem Perlindungan Kilat	44
2.11	Kehendak UBBL	21
2.12	Kehendak Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling	12
	Jumlah	1663

Jadual 1




Carta 2 : Ketidakpatuhan Kepada Akta dan Peraturan

Daripada Carta 2 di atas, didapati **kelemahan penyenggaraan** mencatat peratusan penemuan yang tertinggi iaitu sebanyak 28.3%, diikuti oleh **kelemahan kehendak-kehendak am pemasangan (23.3%)** dan **kelemahan pemasangan papan suis (19.9%)**. Walaubagaimanapun, **kelemahan-kelemahan lain juga perlu dipandang serius seperti kelemahan bahan, kelengkapan dan kaedah pemasangan (8.9%), tiada lawatan oleh orang kompeten dan tiada orang kompeten yang menjaga premis (6.9%), serta kelemahan pembumian pemasangan (5.1%)**. Perincian kepada kelemahan-kelemahan di atas adalah seperti di para 2.1 hingga 2.12.




Bahagian B.1- Pendaftaran Pemasangan

Carta di atas menunjukkan isu pendaftaran pemasangan yang tidak didaftar dengan Suruhanjaya Tenaga. Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, didapati kebanyakan premis yang mempunyai bekalan 11kV dan janakuasa tunggusedia melebihi 5kW tidak didaftarkan dengan Suruhanjaya Tenaga. Ini terjadi kerana semasa penyerahan bangunan, pendaftaran pemasangan tidak dijalankan kerana mungkin perkara ini dipandang remeh oleh sesetengah pihak. Pendaftaran akan menjadi bertambah rumit bagi premis yang telah lama beroperasi kerana maklumat-maklumat yang diperlukan untuk pendaftaran tersebut sudah tiada/ tidak dikemaskini.



Bahagian B.2 - Kelemahan Bahan, Kelengkapan dan Kaedah Pemasangan


Carta menunjukkan kelemahan bahan, kelengkapan dan kaedah pemasangan. Antara yang mencatat penemuan tinggi adalah pendawaian/kelengkapan elektrik tidak dipasang dengan betul dan pendawaian tambahan dijalankan secara merbahaya. Punca utama penemuan seperti ini adalah kerana kerja-kerja tambahan pemasangan dijalankan oleh orang bukan kompeten yang dilantik sendiri oleh pihak pelanggan tanpa melibatkan pihak JKR. Antara penemuan lain adalah premis dikenakan penalti kerana tiada power factor correction system.




Bahagian B.3 - Kelemahan Pemasangan Papan Suis

Carta di atas pula menunjukkan kelemahan pemasangan papan suis. Majoriti penemuan yang menyumbang kepada kelemahan ini adalah gambarajah skematik dalam bilik suis utama tiada/tidak dikemaskini, tiada maklumat litar akhir pada papan agihan, alat pemadam api tiada/rosak/luput tarikh dan papan suis tiada label.


Oleh kerana pemasangan yang diperiksa umurnya melebihi 5 tahun, maka penemuan seperti tiada maklumat litar akhir, tiada alas getah, tiada gambarajah skematik dan lain-lain tidak dapat dipastikan sama ada ianya melibatkan isu pembinaan (tiada dibuat semasa penyerahan bangunan) ataupun isu penyenggaraan.



Bahagian B.4 - Talian Bekalan Bawah Tanah




Bahagian B.5 - Radas Mudah Alih dan Lain-lain




Bahagian B.6 - Kelemahan Pembumian Pemasangan

Carta ini pula menunjukkan kelemahan pembumian pemasangan dimana penemuan yang tertinggi adalah earth chamber bagi papan suis utama dan papan suis kecil tidak dijumpai. Kemungkinan besar ia telah diturap atau kedudukan earth chamber tersebut terletak pada tempat yang lain (tidak mengikut amalan JKR). Penemuan lain yang juga mencatat penemuan yang tinggi adalah kepekaan RCCB tidak mengikut peraturan, penyambungan copper tape tidak lengkap kerana hilang/ dicuri dan RCCB tidak dipasang di dalam papan agihan. Kelemahan-kelemahan ini perlu diatasi segera kerana sistem pembumian amat penting bagi mengalirkan arus bocor ke bumi dan bagi mengelakkan bahaya.



Bahagian B.7 - Kelemahan Kehendak-kehendak Am Pemasangan

Daripada carta di atas, kebanyakan penemuan pada bilik papan suis yang diperiksa tiada/tidak lengkap notis AMARAN, dijadikan stor, tiada arahan rawatan renjatan elektrik, alas getah tiada/tidak cukup, nama bilik tiada/usang dan tiada wire mesh. Walaupun penemuan-penemuan ini tidak menjejaskan kefungsi sistem elektrik, tetapi ia juga perlu dipandang serius bagi memudahkan kerja-kerja senggaraan dan bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku.




Bahagian B.8 - Tiada Orang Kompeten (Pengendali dan Lawatan)

Carta di atas menunjukkan tiada orang kompeten yang melawat dan menjaga premis. Mengikut Peraturan 67, Peraturan-peraturan Elektrik 1994, lawatan pemeriksaan oleh orang kompeten iaitu Jurutera Perkhidmatan Elektrik atau Jurutera Elektrik Kompeten atau Penyelia Elektrik perlu bagi pemasangan yang menerima bekalan masuk melalui suis gear 100A dan ke atas dan kekerapannya adalah bergantung kepada saiz bekalan pemasangan. Orang kompeten ini juga bertanggungjawab untuk mengesyorkan kepada pihak pengurusan/pemunya bangunan akan keperluan orang kompeten untuk mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan atau pengendalian ke atas sesuatu pemasangan itu. Kategori kelayakan orang kompeten yang mengendalikan pemasangan pula bergantung kepada saiz bekalan masuk sama ada voltan rendah atau voltan tinggi serta jenis perkhidmatan yang terdapat di premis tersebut. Kebanyakan premis yang diperiksa tidak mempunyai orang kompeten dan keadaan ini menyumbang kepada kerosakan pemasangan kerana tidak disenggara dari masa ke semasa.

Daripada pemeriksaan yang dijalankan, 62 pemasangan yang diperiksa tiada lawatan oleh orang kompeten, 52 pemasangan tiada pengendali (LV) dan 1 pemasangan tiada pengendali (HT). Tiada pengendali bagi pemasangan voltan tinggi adalah perkara yang kritikal kerana risiko keselamatan elektriknya yang tinggi.

Cadangan Penambahbaikan:

Kontrak bagi lawatan pemeriksaan oleh orang kompeten perlu diadakan, contohnya dengan melantik satu kontraktor/orang kompeten bagi sekolah-sekolah atau klinik-klinik kesihatan mengikut daerah dan sebagainya. Perlu memasukkan terma bagi memajukan juga Borang I kepada JKR untuk tujuan pemantauan dan audit.



Bahagian B.9 - Kelemahan Penyenggaraan

Daripada carta di atas, antara kelemahan penyenggaraan yang mencatat jumlah penemuan yang tinggi adalah:


- tiada buku log/rekod senggaraan – 15.5%
- pemasangan tidak diuji setiap 5 tahun - 14.7%
- tiada manual operasi & penyenggaraan – 14.5%
- tiada as-built drawing - 13.0%

Penemuan-penemuan ini perlu dipandang serius dan perlu diperbaiki bagi memudahkan kerja-kerja penyenggaraan bagi kebanyakan premis-premis kerajaan di bawah senggaraan JKR.


Cadangan Penambahbaikan:

- Perlu memasukkan terma penyediaan lukisan as-built dan manual operasi dan penyenggaraan ke dalam kontrak penyenggaraan.
- Perlu ada 'Master List' setiap pemasangan yang disenggara oleh JKR untuk pelaksanaan dan pemantauan bagi pengujian dan pemeriksaan keseluruhan pemasangan setiap 5 tahun sekali termasuk juga penatahan dan tentukur semula ganti dan peranti perlindungan setiap 2 tahun sekali.

Bahagian B.10 - Sistem Perlindungan Kilat



Bahagian B.11- Kehendak UBBL



Bahagian B.12 - Kehendak Peraturan-peraturan Alam Sekeliling

Kesimpulan Penemuan Inspektorat.

Daripada penemuan-penemuan yang dilaporkan, sebab utama yang menyumbang kepada kebanyakan ketidakpatuhan adalah berpunca daripada kelemahan pengurusan penyenggaraan bangunan dimana kebanyakan premis yang dilawati tidak mempunyai orang kompeten yang menjaga. Tiada penyenggaraan secara berkala dilakukan dan penyenggaraan hanya akan dijalankan apabila gangguan bekalan berlaku. Begitu juga dengan tahap kesedaran pengguna yang rendah dimana keadaan bilik-bilik suis utama mahupun bilik-bilik suis lain yang dipenuhi dengan barang-barang dan dijadikan stor sehingga mengganggu laluan untuk akses. Bilik suis dimasuki sesuka hati tanpa mengambilkira bahaya yang terdapat di dalam bilik tersebut.

Dari segi pendaftaran pemasangan, kebanyakan premis tiada pendaftaran dengan Suruhanjaya Tenaga bagi pemasangan 11kV ke atas dan penjanakuasa tunggusedia 5kW ke atas. Kebanyakan penjanakuasa tunggusedia juga tiada kelulusan bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar bagi penjanakuasa 60kVA ke atas. Pendaftaran pemasangan dan penjanakuasa bagi premis yang telah lama beroperasi adalah sukar dijalankan memandangkan segala dokumen-dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran tersebut sudah tiada atau sudah tidak boleh digunakan kerana tidak dikemaskini. Oleh itu, satu usaha untuk mengemaskini atau mewujudkan kembali dokumen-dokumen yang penting seperti As-built Drawing, Gambarajah Skematik bagi keseluruhan premis, Maklumat Litar Akhir pada Papan Agihan, Manual Operasi dan Penyenggaraan dan sebagainya perlu dijalankan bagi menjadikan tahap penyenggaraan Kelas Pertama.

Bahagian C - Analisis Kepuasan Pelanggan

Borang Kepuasan Pelanggan telah dihantar kepada pihak pelanggan bersama dengan Laporan Inspektorat untuk membolehkan penilaian dibuat ke atas prestasi pelaksanaan inspektorat oleh pihak JKR. Ringkasan penilaian yang dibuat oleh pelanggan bagi tahun 2009 adalah seperti di dalam Jadual 2.

KATEGORI PENILAIAN	PURATA MARKAH
Penerangan Mengenai Inspektorat	3.5
Cara Pegawai Berkomunikasi	3.5
Disiplin/ Tatatusila	3.5
Tempoh Menyiapkan Laporan	2.5
Markah Keseluruhan	3.25

Jadual 2

Penilaian adalah berdasarkan kepada maklumbalas pelanggan yang telah diterima dan skala prestasi inspektorat ditetapkan seperti berikut:

Skala prestasi:

- 0 – Amat lemah
- 1 – Lemah
- 2 – Memuaskan
- 3 – Baik
- 4 – Cemerlang

Daripada jumlah markah keseluruhan yang diterima, prestasi pelaksanaan inspektorat oleh JKR adalah **BAIK**.

Bahagian D - Lessons Learnt

Pemasangan dikenakan Caj Sambungan Beban (Connected Load Charge –CLC)

CLC dikenakan ke atas tariff elektrik C1 dan ke atas (Perdagangan voltan sederhana 6.6kV-66kV) sekiranya penggunaan elektrik bagi sesuatu pemasangan itu tidak mencapai nilai 75% daripada maximum demand (MD) yang dipersetujui bersama oleh pihak perunding dan TNB.

Daripada aktiviti inspektorat bagi tahun 2009, terdapat satu pemasangan yang telah dikenakan CLC dan juga penalti faktor kuasa rendah yang menyebabkan kos operasinya meningkat.

TARIKH/BACAAN			01.08.2008	01.09.2008	
NO. JANGKA	GDN	TARIKH	DAHULU	SEMASA	UNIT
468678	10.0000	01.08.08	01.09.08 506,188.00	513,083.00	68,950.00 kWh
468678	*00.0000	01.08.08	01.09.08 0.00	0.25	248.00 kW
468219	10.0000	01.08.08	01.09.08 375,126.00	379,982.00	48,560.00 kVARh

PERIHAL CAJ	UNIT	KADAR SEUNIT	AMAIUN (RM)
Unit Penggunaan	68,950.00	0.18	12,411.00
Caj Sambungan Beban	699.70	4.00	2,798.80
Kehendak Maksima	248.00	12.00	2,976.00
Penalti Faktor Kuasa	0.82		692.42

Contoh bil elektrik yang dikenakan CLC dan penalti faktor kuasa rendah:

Pengiraan CLC:

Declared MD = 1263.6kW
75% daripada MD = 75% x 1263.6kW
= 947.7kW (penggunaan minima bagi mengelakkan CLC)

CLC = (947.7kW – 248kW(MD bagi bulan tersebut)) x RM 4.00
= RM 2,798.80 sebulan

Maklumat Mengenai CLC:

Kebiasaannya CLC akan dikenakan oleh pihak TNB selama tempoh 6 tahun daripada bermulanya bangunan beroperasi. Bagi tahun pertama, CLC akan dikecualikan oleh pihak TNB.

Cara Mengelak Dikenakan CLC:

- Perekabentuk perlu mengemukakan MD yang munasabah dan dijangka dapat mencapai 75% semasa beroperasi.
- Semakan semula MD perlu dimohon kepada pihak TNB tetapi ianya bergantung kepada persetujuan pihak TNB.

Cadangan Penambahbaikan:

- Perekabentuk perlu mengkaji data-data MD yang dipohon dan MD yang dicapai ketika beroperasi bagi projek-projek yang telah diuruskan oleh pihak JKR untuk tujuan perbandingan dan anggaran MD yang lebih tepat bagi projek-projek akan datang.
- Rekabentuk tidak boleh over-design. Penentuan beban bagi bekalan essential perlu dikaji semula terutama bagi lighting, small power dan sistem pencegahan kebakaran. Ini kerana pada masa kebakaran, cuma sistem pencegah kebakaran sahaja yang akan beroperasi dan semua bekalan essential bagi lampu dan soket tidak akan dipakai.

Gambar-gambar Penemuan

Berikut adalah gambar-gambar penemuan untuk tujuan ‘Lessons Learnt’.




ELCB yang di ‘bypass’ menyebabkan ia tidak dapat memutuskan litar jika arus bocor ke bumi.



Pendawaian kabel bagi setiap fasa menggunakan kabel hijau/bumi. Pendawaian seperti ini boleh mengelirukan dan membahayakan nyawa pengendali.



‘Cut-Out Fuse’ yang hilang tidak diganti baru, sebaliknya menggunakan kabel sebagai ‘by-pass’ kepada sistem elektrik. Tujuan ‘Cut-Out Fuse’ adalah bagi memutuskan bekalan jika terdapat arus lebih.



Pendawaian tambahan yang tidak mengikut peraturan. Contactor dipasang di luar papan agihan menyebabkan kabel terdedah dan contactor tersebut juga di ‘bypass’.



Power Factor Correction System yang tidak disenggara dengan baik. Fius-fius yang telah rosak tidak diganti baru menyebabkan sistem ini tidak dapat beroperasi sepenuhnya.



Main Switch (isolator) didapati telah hilang. Pendawaian terus disambungkan pada ELCB tanpa Main Switch.



Penyambungan kabel menggunakan PVC tape. Fasa dan saiz kabel bagi penyambungan tersebut juga adalah berlainan dan boleh mengelirukan.



Penyambungan kabel masukan (submain) tidak menggunakan cable gland. Ini menyebabkan perisai (armour) yang juga berfungsi sebagai pembumian telah dipotong.

Laporan Unit Perunding Senggara Elektrik

Laporan Unit Perunding Senggara Elektrik (UPSE)

Latar belakang Program

Program penyelenggaraan elektrik secara menyeluruh ini yang telah dirancang dan di urus tadbir oleh Unit Perunding Senggara Elektrik Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR telah diperkenal dan diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Kewangan pada 14 Ogos 2006. Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk memberikan perkhidmatan senggaraan elektrik kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan semua premis Kementerian Pelajaran Malaysia yang di bawah seliaan dan tanggungjawab JKR disenggara dengan baik dan selamat. Sejak mula diperkenalkan dari tahun 2006 hingga 2009, program ini telah berjaya dikendalikan dengan jayanya dan menepati objektif pelaksanaan program seperti yang telah dirancang.

Pada tahun 2006, pejabat ini hanya menerima peruntukan di bawah objek 26000 sahaja iaitu untuk pembelian alat ganti bagi menangani aduan-aduan harian yang dibuat oleh pihak sekolah ke pejabat JKR. Sebelum program ini diperkenalkan didapati berbagai kaedah dan pendekatan yang digunapakai samada oleh pihak JKR, Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah di peringkat negeri-negeri bagi menangani aduan kerosakan dan penyelenggaraan elektrik. Pada tahun 2007, pihak Unit Perunding Senggara Elektrik, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah merancang satu program senggara elektrik khusus untuk Kementerian Pelajaran Malaysia memandangkan ia adalah pelanggan terbesar JKR yang mana kaedah perlaksanaannya adalah dibuat berdasarkan keperluan Manual Prosedur Senggara Elektrik, Cawangan Kejuruteraan Elektrik.

Program senggaraan elektrik terancang ini dilaksanakan berdasarkan aduan dari Jabatan pelanggan, lawatan dan pemeriksaan oleh kakitangan JKR ke premis-premis KPM pada tahun sebelumnya. Seterusnya, premis-premis yang memerlukan tindakan pembaikan / penyelenggaraan / pendawaian semula elektrik akan dimasukkan dalam senarai program senggara tahun yang berikutnya.

Peruntukan Objek 26000 yang diterima oleh JKR untuk pembelian alat-alat ganti bagi pembaikan secara Jabatan akan dilaksanakan oleh kakitangan JKR sendiri. Manakala untuk kerja-kerja yang rumit / pendawaian semula elektrik dan memerlukan pembaikan oleh pihak ketiga, pihak JKR akan menggunakan peruntukan Objek 28000 untuk pelaksanaan kerja dengan melantik pihak kontraktor elektrik. Peruntukan yang diterima dan pelaksanaan kerja adalah mengikut aktiviti yang telah dipersetujui dan diluluskan oleh pihak KPM iaitu Pra Sekolah, Rendah, Menengah, Asrama, Pengurusan Pentadbiran Negeri (JPN, Kuarters Perguruan dan Pusat Ko-Kurikulum), Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Teknik.

Perancangan Strategik Program

- Menyediakan jadual tindakan perancangan penyediaan Dokumen Pelan Bisnes Senggara Tahun 2009 (PBST) dan Anggaran Pelan Senggara Tahun 2009 (APST).
- Unit Perunding Senggara Elektrik adalah sebagai Pengurus dan Pentadbir kepada program ini telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Ketua Jurutera Elektrik Negeri, Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri, pada bulan September tahun 2008 bagi memohon kerjasama pihak pelaksana di peringkat negeri menyediakan Pelan Bisnes Senggara Tahun 2009 (PBST) dan Anggaran Pelan Senggara Tahun 2009 (APST) yang mengandungi senarai premis, skop kerja dan anggaran kos yang diperlukan untuk pelaksanaan kerja

pembaikan/ penyelenggaraan. Semua KJEN mematuhi tarikh akhir penyediaan PBST yang ditetapkan iaitu pada 31 Oktober 2008.

- Kerja-kerja semakan dan tapisan di peringkat ibu pejabat di buat sebelum dokumen akhir dimajukan kepada pihak pelanggan. Antara tapisan yang dibuat adalah semua senarai di dalam program adalah senarai premis bukan di bawah 'Programme Management Consultant' dan mestilah premis milik penuh pelanggan. Anggaran yang dibuat juga dikaji supaya ia relevan dan mencukupi untuk pelaksanaan skop kerja dalam senarai. Dokumen akhir dimajukan kepada pelanggan pada akhir Disember 2008.
- Menerima peruntukan pada akhir Februari 2009.
- Menyediakan Sub-Waran kepada Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri untuk agihan pada mesyuarat Ketua Jurutera Elektrik Negeri pada 5 Mac 2009.
- Memberi taklimat strategi program kepada semua Ketua Jurutera Elektrik Negeri dan Perubahan Tatacara Perolehan secara Sebutharga serta tanggungjawab pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri mengeluarkan laporan bulanan.
- Pihak Cawangan Kejuruteraan Elektrik Negeri diarah mengadakan mesyuarat koordinasi dengan Pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi tujuan memuktamadkan senarai premis yang memerlukan tindakan penyelenggaraan elektrik berdasarkan keutamaan keperluan.
- Unit Perunding Senggara Elektrik perlu mengemukakan laporan kemajuan perbelanjaan kewangan dan kerja kepada pihak pelanggan setiap bulan sebelum 10 hari bulan setiap bulan.
- Unit Perunding Senggara Elektrik menjalankan pemantauan pelaksanaan program secara berkala iaitu mengikut sukuan ke peringkat negeri.
- Unit Perunding Senggara Elektrik mengkaji prestasi pelaksanaan program dan membuat analisis ke atas kelemahan yang ditemui dan memohon tindakan pembaikan segera diambil.

Laporan Program Tahun 2009

Berdasarkan program pada tahun 2009, peruntukan diterima daripada tiga (3) bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia untuk kerja-kerja senggaraan elektrik dan pendawaian semula elektrik. Butiran peruntukan yang diterima adalah seperti berikut :-

BIL.	SUMBER KEWANGAN	KOD OBJEK	JUMLAH (RM)
1	Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, BPPA	28000	98,054,870.00
2	Bahagian Kewangan	26000	2,118,500.00
		21000	200,000.00
3	Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Klusters	28000	2,460,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM		102,833,370.00

Jadual 1

Laporan Perbelanjaan Peruntukan Kod Objek 28000 (sumber BPPA dan SBP) sepanjang tahun 2009 iaitu :-

BIL.	NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH BAKI (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Perlis	2,203,000.00	187.99	2,202,812.01	99.99
2	Kedah	8,725,550.00	2,254.80	8,723,295.20	99.97
3	P.Pinang	4,584,207.00	17,013.47	4,567,193.53	99.63
4	Perak	8,036,650.00	253,833.18	7,782,816.82	96.84
5	Selangor	19,292,925.00	39,758.67	19,253,166.33	99.79
6	WPKL	3,283,000.00	8,706.90	3,274,293.10	99.73
7	N.Sembilan	13,007,000.00	169,143.63	12,837,856.37	98.70
8	Melaka	2,166,870.00	3,091.29	2,163,778.71	99.86
9	Johor	6,717,000.00	914.08	6,716,085.92	99.99
10	Pahang	14,517,000.00	500.00	14,516,500.00	100.00
11	Terengganu	9,115,815.00	511,392.57	8,604,422.43	94.39
12	Kelantan	8,673,253.00	44,335.22	8,628,917.78	99.49
13	WP.Labuan	192,600.00	85.28	192,514.72	99.96
		100,514,870.00	1,051,217.08	99,463,652.92	98.95

Jadual 2

Laporan Perbelanjaan Peruntukan Objek 26000 (sumber Bahagian Kewangan) iaitu untuk Pembelian Alatganti sepanjang tahun 2009.

BIL.	NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH BAKI (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Perlis	90,000.00	8.58	89,991.42	99.99
2	Kedah	175,000.00	3,690.00	171,310.00	97.89
3	P.Pinang	350,500.00	23.05	350,476.95	99.99
4	Perak	230,000.00	497.55	229,502.45	99.78
5	Selangor	300,000.00	46.40	299,953.60	99.98
6	WPKL	220,000.00	152.40	219,847.60	99.93
7	N.Sembilan	80,000.00	0.00	80,000.00	100.00
8	Melaka	110,000.00	77.20	109,922.80	99.93

9	Johor	100,000.00	2.65	99,997.35	100.00
10	Pahang	260,000.00	39.60	259,960.40	99.98
11	Terengganu	90,000.00	35.90	89,964.10	99.96
12	Kelantan	110,000.00	9,765.45	100,234.55	91.12
13	WP.Labuan	3,000.00	0.40	2,999.60	99.99
		2,118,500.00	14,339.18	2,104,160.82	99.32

Jadual 3

Laporan Perbelanjaan Peruntukan Objek 21000 (Sumber Bahagian Kewangan) iaitu untuk Pembiayaan Tuntutan Perjalanan Kakitangan CKE yang terlibat dengan program sepanjang tahun 2009.

BIL.	NEGERI	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH BELANJA (RM)	JUMLAH BAKI (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	Perlis	0.00	0.00	0.00	0.00%
2	Kedah	32,000.00	31,829.70	170.30	99.47%
3	P. Pinang	10,000.00	9,661.85	338.15	96.62%
4	Perak	7,000.00	3,609.55	3,390.45	51.57%
5	Selangor	20,000.00	19,763.80	236.20	98.82%
6	N. Sembilan	7,000.00	6,986.55	13.45	99.81%
7	Melaka	8,000.00	6,070.94	1,929.06	75.89%
8	Johor	20,000.00	19,978.60	21.40	99.89%
9	Pahang	20,000.00	19,763.80	236.20	98.82%
10	Terengganu	20,000.00	19,972.66	27.34	99.86%
11	Kelantan	25,000.00	24,998.80	1.20	100.00%
12	Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia	31,000.00	30,848.28	151.72	99.51%
	JUMLAH (RM)	200,000.00	193,484.53	6,515.47	96.74%

Jadual 4

Jadual Bilangan Kerja/ Bil Premis yang terlibat dengan program senggara elektrik tahun 2009.

BIL.	NEGERI	BIL. PREMIS YANG TERLIBAT DALAM PROGRAM SENGARA ELEKTRIK TAHUN 2009 (KELULUSAN ASAL)	BIL. KERJA (≈ BIL. PREMIS) KESELURUHAN
1	Perlis	56	83
2	Kedah	89	131
3	P.Pinang	64	105
4	Perak	192	244
5	Selangor	117	267
6	WPKL	19	57
7	N.Sembilan	93	124
8	Melaka	59	78
9	Johor	48	93
10	Pahang	114	135
11	Terengganu	273	309
12	Kelantan	90	155
13	WP.Labuan	26	11
JUMLAH KERJA		1240	1792

Jadual 5

Laporan Jumlah Kerosakan Elektrik yang diterima daripada Kementerian Pelajaran sepanjang tahun 2009 dan tindakan pembaikan dibuat secara Jabatan.

BIL.	NEGERI	JUMLAH KEROSAKAN DARI KPM	JUMLAH KEROSAKAN KESELURUHAN	PERATUS JUMLAH KEROSAKAN DARI KPM (%)
1	Perlis	275	1104	24.91
2	Kedah	1325	3098	42.77
3	P.Pinang	2550	5670	44.97
4	Perak	1632	6310	25.86
5	Selangor	1942	4215	46.07
6	WPKL	3553	6415	55.39
7	N.Sembilan	2172	2533	85.75
8	Melaka	1656	3013	54.50
9	Johor	1711	4112	41.61
10	Pahang	838	3708	22.60
11	Terengganu	1141	3141	36.33
12	Kelantan	944	2526	37.37
13	W.P.Labuan	88	476	18.49
JUMLAH		19827	46321	42.80

Jadual 6

Laporan Keseluruhan Program dari Tahun 2006 hingga 2009

Laporan

Jadual 1 di bawah menunjukkan pertambahan jumlah aduan kerosakan elektrik daripada premis-premis KPM daripada tahun 2006 hingga 2009. Berdasarkan jumlah aduan kerosakan elektrik yang diterima dari tahun 2006 hingga 2009 didapati bilangannya semakin bertambah. Ini menunjukkan berlakunya penambahan sekolah-sekolah baru atau faktor-faktor kepenggunaan peralatan elektrik yang semakin tinggi. Susulan daripada itu, pihak kami membuat pertambahan permohonan peruntukan dari satu tahun ke satu tahun di bawah objek 26000 untuk menampung pembelian alat ganti bagi menangani jumlah aduan harian yang semakin meningkat.

Tahun	2006	2007	2008	2009
Jumlah Kerosakan Elektrik dari KPM	14139	16334	21449	19827
Jumlah keseluruhan Kerosakan	52024	53869	58167	46321
Peratus Kerosakan Elektrik dari KPM	27.2 %	30.3 %	36.87 %	42.80 %

Jadual 7

Manakala jadual 8 di bawah pula menunjukkan jumlah peruntukan yang diterima dari KPM untuk tahun 2007 hingga 2009 bagi menjalankan program senggara elektrik ini.

Tahun/ Kod Objek	2007	2008	2009
21000	-	-	200,000.00
26000	1,333,700.00	1,417,200.00	2,118,500.00
28000	19,384,020.00	26,337,000.00	100,514,870.00
32000	0.00	3,944,800.00	
Jumlah	20,717,720.00	31,699,000.00	102,833,370.00

Jadual 8

Analisis Sepanjang Pelaksanaan Program

Impak-Impak Positif Dari Pelaksanaan Program

- Keyakinan pihak pelanggan (KPM) kepada kemampuan JKR meningkat dengan jelas dari tahun ke tahun khususnya dalam urusan penyelenggaraan premisnya yang mana pada tahun sebelum 2006, semua kerja pembaikan / penyelenggaraan sekolah-sekolah tidak seragam dan bermacam-macam kaedah dibuat oleh pihak pelanggan sendiri. Keyakinan ini lebih jelas lagi dapat dilihat pada tahun 2009 di mana KPM telah menurunkan peruntukan RM102.83 juta kepada JKR ibu pejabat untuk memastikan semua bangunan KPM di seluruh Negara kecuali Sabah, Sarawak dan W.P.Putrajaya dijaga dan diselenggara dengan baik oleh JKR. Berdasarkan rekod, KPM hanya menurunkan RM20.7 juta pada tahun 2007 dan RM 31.7 juta pada tahun 2008.

Dengan terlaksananya program seperti ini, pihak CKEN tidak lagi perlu berhubung dengan pihak 'End User'(sekolah) untuk mendapatkan peruntukan dalam kerja-kerja pembaikan. Sebaliknya, urusan yang berkaitan dengan peruntukan telah diuruskan oleh pejabat Unit Perunding Senggara Elektrik.

Proses pembaikan sesuatu kerja senggaraan di sekolah-sekolah amnya amatlah cepat berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Masalah kecemasan yang berlaku contohnya kebakaran blok sekolah yang memerlukan pendawaian semula tidak lagi dilihat sebagai sesuatu masalah yang merisaukan pihak pelanggan khususnya sekolah dan JKR Negeri kerana urusan peruntukan dapat diuruskan oleh pejabat Unit Perunding Senggara Elektrik dengan cepat dan pantas.

Senarai penuh kerja-kerja penyelenggaraan elektrik dapat dipantau oleh pejabat Unit Perunding Senggara Elektrik supaya tidak berlaku pertindihan permohonan peruntukan atau pelaksanaan kerja. Senarai tersebut dapat digunakan oleh KPM semasa mengenalpasti senarai sekolah yang akan terlibat dalam kerja-kerja pendawaian semula elektrik di bawah Program Pakej Ransangan Ekonomi Kedua Tahun 2009.

Keyakinan oleh pihak KPM dan JPN lebih jelas lagi apabila Program Pakej Ransangan Ekonomi Kedua Tahun 2010 akan diserahkan sepenuhnya kepada JKR dengan jumlah RM25 juta dan ini tidak termasuk Program Senggara Terancang yang menggunakan peruntukan Belanja Mengurus. Selain daripada itu, skop kerja JKR juga bertambah di mana bangunan-bangunan sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Teknik turut diminta oleh pelanggan untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan/ pendawaian semula elektrik yang mana pada masa sebelum ini, tugas itu dilaksanakan sendiri oleh pihak sekolah.

JKR Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah menjadi satu cawangan yang telah dipertanggungjawabkan secara penuh oleh pihak pelanggan (KPM) dalam urusan kerja-kerja penyelenggaraan elektrik di semua bangunan sekolah dan pentadbiran negeri KPM. Kerja pembaikan dibuat oleh JKR secara jabatan dan kontrak.

Semua aduan oleh pihak sekolah/pelanggan telah diambil tindakan dalam masa 24 jam berdasarkan rekod tahun 2009 kerana pejabat JKR Negeri mempunyai bekalan alatganti yang mencukupi untuk kerja-kerja pembaikan.

Sepanjang program tahun 2009, empat siri audit ke semua CKEN bagi memastikan pelaksanaan kerja mengikut skop kerja asal, mutu mengikut spesifikasi Jabatan dan prosedur semasa dipatuhi oleh semua negeri. Hasil daripada kesemua siri audit tersebut didapati mutu kerja dan perancangan kerja oleh pihak CKEN telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan. Pihak CKEN sangat mengalu-alukan kehadiran pasukan audit daripada kerjasama yang diberikan sepanjang audit.

Pihak KPM telah menunjukkan keyakinan sekali lagi kepada JKR dengan menurunkan peruntukan Objek 21000 untuk Pembayaran Tuntutan Perjalanan staf CKE yang terlibat dengan program ini sebanyak RM200 ribu bagi menyokong usaha JKR untuk memastikan semua kerja di tapak dapat dipantau dengan baik.

- Kemampuan kakitangan bahagian penyelenggaraan elektrik di peringkat negeri teruji dengan penurunan peruntukan yang banyak berbanding biasa.

Kesimpulan

Perlaksanaan Program Senggara Elektrik bagi Semua Premis di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia ini dilihat banyak memberi impak yang positif kepada perkembangan pengurusan aset yang menyeluruh dan pentadbiran pengurusan aset yang terancang samada di pihak pelaksana khususnya JKR dan pihak pelanggan. Perlaksanaan program ini adalah satu langkah yang paling strategik dalam memastikan tugas dan tanggungjawab JKR terlaksana dalam urusan penyelenggaraan bangunan-bangunan Kerajaan. Memandangkan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah pelanggan terbesar JKR, hasil daripada kejayaan/ kegagalan program ini dapat memberi petunjuk atau tauladan kepada jabatan pelanggan yang lain.

Program Penyelenggaraan Elektrik Untuk Premis- Premis Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia Bagi Tahun 2010

Laporan Perbelanjaan Peruntukan Objek 26000 untuk pembelian alatganti sepanjang tahun 2009.

BIL.	NEGERI	Jumlah Peruntukan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Belanja (%)
1	PERLIS	5,000.00	1.33	99.97
2	KEDAH	3,500.00	945.80	72.98
3	PERAK	15,000.00	333.50	97.78
4	SELANGOR	32,500.00	8.00	99.98
5	MELAKA	6,000.00	4.00	99.93
6	KELANTAN	6,000.00	10.00	99.83
7	WP.LABUAN	2,000.00	5.00	99.75
	JUMLAH OBJEK 26000	70,000.00	1,307.63	98.13

Laporan Perbelanjaan Peruntukan Objek 28000 bagi Kerja Penyelenggaraan Secara Kontrak sepanjang tahun 2009.

	NEGERI	Jumlah Peruntukan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Bil. Kerja	Peratus Belanja (%)
1	PERLIS	67,400.00	19.80	4	99.97
2	KEDAH	83,900.00	1,713.94	5	97.96
3	P.PINANG	64,100.00	32.50	1	99.95
4	PERAK	128,000.00	28.66	8	99.98
5	SELANGOR	497,000.00	27.81	7	99.99
6	WPKL	160,000.00	0.00	5	100.00
7	N.SEMBILAN	50,000.00	284.87	1	99.43
8	MELAKA	210,000.00	19,018.14	3	90.94
9	JOHOR	15,000.00	9.28	1	99.94
10	PAHANG	80,000.00	36.00	5	99.96
11	TERENGGANU	210,000.00	2,185.85	6	98.96
12	KELANTAN	386,600.00	99.65	10	99.97
13	WPLABUAN	10,000.00	15.00	1	99.85
	JUMLAH OBJEK 28000	1,962,000.00	23,471.50	57	98.80



Laporan Unit Standard dan Pengujian Makmal

Unit Standard, Pengujian & Makmal (USPM)

AKTIVITI 1 – Pendaftaran Bahan/Barangan Elektrik

Pendaftaran bahan/barangan meliputi permohonan baru dan permohonan pembaharuan yang diterima daripada pembekal (pengilang atau pengedar).


USPM bertindak sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Kelulusan Bahan (JKB) CKE yang membuat keputusan ke atas pendaftaran bahan/barangan.

Permohonan pendaftaran adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima oleh USPM. Sasaran yang ditetapkan adalah berdasarkan jumlah permohonan pada tahun sebelumnya dan unjuran tamat tempoh pendaftaran sedia ada sepanjang tahun 2009.

AKT.	Jenis Permohonan	Sasaran (bil.)	Pencapaian (bil.)
1.1	Permohonan Baru	100	161
1.2	Pembaharuan Pendaftaran	240	275
	Jumlah	340	436

Jadual 1: Sasaran dan Pencapaian Permohonan Pendaftaran Bahan/Barangan

Jadual 1 menunjukkan sasaran dan bilangan permohonan pendaftaran bahan/barangan sepanjang tahun 2009. Peningkatan ketara bagi permohonan baru adalah disebabkan penambahan jenis bahan/barangan yang didaftarkan seperti *Transformer, HT Cable* dan *11 kV Metal Enclosed Switchgear*.



Carta 1: Pecahan Permohonan Pendaftaran Bahan/Barangan

Carta 1 menunjukkan pecahan permohonan pendaftaran bahan/barangan bagi tahun 2009 bagi jenis permohonan baru dan pembaharuan pendaftaran. Daripada keseluruhan jumlah permohonan sebanyak 436 bilangan, 275 bilangan adalah permohonan pembaharuan manakala 161 bilangan adalah permohonan baru.

Permohonan baru telah meningkat sebanyak 5% dan permohonan pembaharuan pendaftaran telah meningkat sebanyak 21% berbanding pencapaian pada tahun 2008.

Bagi permohonan baru dan permohonan pembaharuan yang dirujuk kepada JKB, sebanyak 103 bilangan permohonan lulus dan 75 bilangan permohonan gagal.

Disamping itu, USPM turut membuat kajian keatas bahan/barangan yang spesifikasinya berbeza daripada pendaftaran sedia ada untuk dilaporkan kepada JKB samada ianya bersesuaian untuk didaftarkan.

Berikut ialah laporan yang telah dibentangkan kepada JKB:

- Kajian Perbandingan Antara Street Lantern Yang Menggunakan Housing Dari Aluminium Die-Cast dan Aluminium Plate Stamping .
- Laporan Perbandingan Standard UL 857 dan IEC 60439 Yang Digunapakai Bagi Busduct Yang Menggunakan Aluminium Housing Di Dalam dan Di Luar Negara.
- Kajian perbandingan Kabel Jenis Non-armoured PVC Insulated :cable carrying capacity dan voltage drop di antara IEE Regulation, 16th Edition dan 17th. Edition serta pengilang kabel tempatan.


AKTIVITI 2 – Pemeriksaan Kilang Bagi Keperluan Verifikasi Kelulusan Bahan/Barangan

Pemeriksaan kilang adalah berkait rapat dengan pendaftaran sebahagian bahan/barangan terutamanya yang dikilangkan sendiri oleh pengeluar seperti Low Voltage Switchboard, Kabel, Busbar Trunkings System, 11 kV Metal Enclosed Switchgear dan Transformer bagi memastikan pengilang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan bahan/barangan yang dipohon pendaftarannya.


AKT.	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
2.	Melaksana pemeriksaan kilang bagi keperluan verifikasi kelulusan bahan/barangan	40	46

Jadual 2: Sasaran dan Pencapaian Pemeriksaan Kilang

Jadual 2 di bawah menunjukkan sasaran dan pencapaian pemeriksaan kilang bagi tujuan verifikasi kelulusan bahan/barangan.



Carta 2: Pecahan Lawatan Verifikasi Kilang Sepanjang Tahun 2009



Carta 3: Pecahan Lawatan Verifikasi Kilang Mengikut Jenis Bahan/Barangan

Antara aktiviti verifikasi yang dilaksanakan ialah premis yang bersesuaian, pekerja/orang kompeten, peralatan pembuatan dan pengukuran, proses pengilangan berbanding proses kawalan kualiti yang didokumenkan dan pengesahan kualiti yang dijanjikan.

AKTIVITI 3 – Kerja Pemeriksaan Terhadap Kualiti Bahan/Barangan Elektrik di Tapak Projek Kendalian JKR

Aktiviti pemeriksaan terhadap kualiti bahan/barangan elektrik bertujuan untuk mendapatkan statistik penggunaan bahan/barangan berdaftar (mandatori) dan tambahan (non-mandatory)) di dalam projek kendalian JKR seperti ditetapkan oleh pengurusan Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) dan bagi memastikan kualiti bahan/barangan yang dibekalkan ke tapak projek kendalian JKR menepati spesifikasi yang telah ditetapkan.

BIL.	AKTIVITI	SASARAN	PENCAPAIAN
3.	Menjalankan kerja pemeriksaan terhadap kualiti bahan/barangan elektrik di tapak projek kendalian JKR.	36	38

Jadual 3: Sasaran Dan Pencapaian Kerja Pemeriksaan Terhadap Kualiti Bahan/Barangan Elektrik

Jadual 3 menunjukkan sasaran dan pencapaian kerja pemeriksaan terhadap kualiti bahan/barangan elektrik di tapak projek kendalian JKR.

BIL	NEGERI	BIL. PROJEK	PERATUS PENGGUNAAN	
			MANDATORI	TAMBAHAN
1	PERLIS	3	84%	100%
2	KEDAH	1	90%	100%
3	SELANGOR	8	78%	100%
4	KUALA LUMPUR	10	76%	83%
5	NEGERI SEMBILAN	5	71%	65%
6	MELAKA	4	84%	100%
7	JOHOR	2	88%	33%
8	PAHANG	1	68%	0.0%
9	KELANTAN	4	85%	100%
JUMLAH PROJEK :		38	81%	86%

Jadual 4: Statistik Penggunaan Bahan Berdaftar Mengikut Negeri (Termasuk Projek Diselia Oleh Ibu Pejabat)

Jadual 4 menunjukkan statistik penggunaan bahan/barangan elektrik berdaftar pada tahun 2009 yang dapat disemak berdasarkan negeri (termasuk projek diselia oleh Ibu Pejabat CKE)

Peratusan penggunaan boleh meningkat sekiranya pengguna / wakil pegawai penguasa dapat mengenalpasti jenama dan model bagi suatu jenis bahan/barangan tersebut yang diluluskan dan berdaftar dengan CKE. Pengguna seharusnya memberi penekanan dan penelitian terhadap model bagi jenama suatu bahan/barangan yang ingin digunapakai di tapak.


Daripada analisa tahun 2007-2009, terdapat peningkatan peratusan penggunaan untuk kedua-dua kategori bahan samada kategori mandatori mahupun kategori tambahan (non-mandatory).

Penggunaan bahan kategori mandatori meningkat sebanyak 6% manakala penggunaan bahan kategori tambahan (non-mandatory) menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 40% berdasarkan trend walaupun jumlah projek yang dapat diperiksa terdapat sedikit perbezaan untuk tahun 2009.


Carta 4 di bawah menunjukkan statistik penggunaan bahan/barangan berdaftar mengikut bahan/barangan (mandatori)

Carta 5 di bawah menunjukkan statistik penggunaan bahan/barangan kategori tambahan (non-mandatory) di mana penggunaannya adalah digalakkan di tapak projek kendalian JKR.


Switch Board




Circuit Breaker




Protection relay




Surge Protective Devices (SPD)



Capacitors




Contactors




Carta 4: Statistik Penggunaan Bahan/Barangan Berdaftar Mengikut Bahan (Mandatori)


Residual Current Devices




Fuse Switch Gears



Generator Set




Conduit/Trunking/ Cable Ladder/ Cable Tray




Carta 4: Statistik Penggunaan Bahan/Barangan Berdaftar Mengikut Bahan (Mandatori)

Cables




Switch and Isolators




Carta 4: Statistik Penggunaan Bahan/Barangan Berdaftar Mengikut Bahan (Mandatori)


Switch Socket Outlet




Circuit Breaker



Flourescent Fitting and Accessori




Emergency Light and KELUAR Sign




